



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Memahami Lembaran Cinta Ilahi”.

Tarikh : 15 Disember 2021

Pengacara Majlis : Puan Salwati binti Ishak

Bacaan Doa : Encik Mohd Airuladha bin Mu'in

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini, Ustaz Panji Alam bin Mazhisham, Pegawai Hal Ehwal Islam dari Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Memahami Lembaran Cinta Ilahi.”

Ringkasannya adalah berkaitan dengan pemahaman ilmu yang terkandung dalam Surah al-Fajr ayat 15 dan 16. Ayat ini menerangkan kekayaan dan kemiskinan kepada hambanya adalah merupakan ujian hidup. Allah juga menguji mereka dengan kurniaan nikmat yang banyak tetapi jauh daripada mendapat hidayah dari Allah SWT. Ini dinamakan istidraj. Ketika diuji dengan kekayaan kita boleh melihat sama ada mereka bersyukur atau kufur dengan nikmat yang telah dikurniakan. Selain itu, semua ujian yang dilalui oleh manusia, adalah untuk menguji mereka bersabar serta mendirikan solat dan berdoa. Allah sentiasa dekat dengan hambanya yang beriman dalam memberikan pertolongan kepada mereka yang berdoa.

Ujian pandemik Covid-19 telah mencetuskan berbagai masalah dalam aspek sosial dan ekonomi secara global. Ramai antara kita yang diuji dengan kelaparan akibat kehilangan pekerjaan dan pendapatan yang berkurangan bahkan juga kehilangan nyawa orang tersayang.

Tatkala diuji dengan pelbagai masalah, kita digalakkan untuk membaca doa daripada Surah al-Baqarah, ayat 156 yang bermaksud “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”. Doa yang kedua pula adalah “Ya, Allah, berilah aku pahala dalam musibahku ini dan berilah ganti yang lebih baik daripadanya.”

Doa lain pula kita digalakkan untuk membaca Surah Yasin selepas selesai sembahyang subuh dan mengamalkan ayat 286, Surah al-Baqarah sebagai wirid. Selain itu, amalan bacaan Surah al-Waqiah dan Surah al-Mulk juga sangat perlu dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan harian kita.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

UTM

PANJI ALAM MAZHISH Admin JTNCHEP Jalli salwati norlin

MEMAHAMI LEMBARAN CINTA ILAHI

USTAZ PANJI ALAM BIN MAZHISHAM
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
JTNCHEP UTM



00:13 / 28:41 +26

UTM

PANJI ALAM MAZHISH Admin JTNCHEP Jalli salwati norlin

Dalam Surah Al-Fajr ayat 15 ini Allah menjelaskan pemahaman dan pegangan manusia yang salah.

فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ

Adapun manusia apabila Tuhannya mengujinya lalu dia dimuliakan-Nya dan diberi-Nya kesenangan, maka dia akan berkata: "Tuhanku telah memuliakanku".

innovative • entrepreneurial • global | www.utm.my

01:50 / 28:41 +27

UTM

PANJI ALAM MAZHISH Admin JTNCHEP Jalli salwati norlin

Pengajaran dalam Surah Al-Fajr ayat 15 dan 16

- 1) Kekayaan dan kemiskinan kedua-duanya adalah ujian daripada Tuhan
- 2) Allah menguji manusia dengan kekayaan untuk menguji manusia menjadi hamba yang bersyukur ataupun kufur atas nikmat Allah
- 3) Allah menguji manusia dengan kemiskinan untuk menguji manusia menjadi hamba yang bersabar ataupun tidak.

innovative • entrepreneurial • global | www.utm.my

06:43 / 28:41 +30